

18 MAR 1998

Mahathir-Dubai

DR MAHATHIR BERLEPAS KE DUBAI UNTUK HADIRI FORUM ANTARABANGSA

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tengahari ini berlepas ke Dubai untuk menghadiri Forum Antarabangsa Emiret.

Beliau diiringi oleh isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamad Ali.

Antara yang berada di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz untuk mengucapkan selamat jalan kepada beliau ialah Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Tajol Rosli Ghazali dan Timbalan Menteri Pengangkutan Datuk Wira Mohamad Ali Rustam.

Dr Mahathir akan menyampaikan ucaptamanya pada forum tiga hari itu lewat hari ini.

Forum tahunan itu yang bermula semalam mengumpulkan pemimpin ulung kerajaan dan korporat dari seluruh dunia yang dijangka bertukar-tukar fikiran mengenai isu-isu global seperti ekonomi, perdagangan dan industri, era maklumat, perbankan dan kewangan dan pelancongan dan perkhidmatan.

Selepas menghadiri forum itu Dr Mahathir akan ke Jerman esok untuk lawatan kerja tiga hari.

Di Jerman Perdana Menteri dijangka menyertai forum Perniagaan Malaysia-Jerman di Hannover dan akan berucap mengenai "Asia Tenggara Selepas Krisis Ekonomi - Cabaran dan Peluang."

Beliau akan mengadakan dua sesi dialog selepas itu, satu mengenai sektor industri dan yang satu lagi mengenai peluang-peluang lain dalam pasaran kewangan dan modal.

Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Datuk Dr Munir Abdul Majid dan pengerusi esksektuif MESDAQ Bhd, Khairil Anuar Abdullah dijangka bercakap pada sesi mengenai pasaran kewangan dan modal.

Antara pemimpin perniagaan Malaysia yang dijadualkan menghadiri forum di Hannover itu ialah pengerusi Penerbangan Malaysia, Tan Sri Tajudin Ramli, pengerusi eksekutif kumpulan Konsortium Perkapalan Bhd, Mirzan Mahathir dan presiden Kumpulan Sapura, Shahril Shamsuddin.-- BERNAMA

ARA WAT